

Headline	Chua bimbang kes pekerja seks kanak kanak Sabah tidak direkod		
MediaTitle	Harian Ekspres (KK)		
Date	15 Oct 2012	Color	Black/white
Section	Tempatan	Circulation	29,826
Page No	2	Readership	97,836
Language	Malay	ArticleSize	183 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 377
Frequency	Daily	PR Value	RM 1,131



Chua bimbang kes pekerja seks kanak-kanak Sabah tidak direkod

TAWAU: Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak berkata 14 pekerja seks kanak-kanak – sembilan warga Indonesia dan lima warga Filipina – diselamatkan daripada pelacuran pada 2010.

Kata beliau, tiada sebarang laporan melibatkan pekerja seks kanak-kanak tahun lepas sementara tahun ini, seorang pekerja seks kanak-kanak warga Vietnam diselamatkan dalam satu operasi.

Beliau berkata demikian ketika menjawab soalan MP Tawau Datuk Chua Soon Bui di Parlimen berhubung bilangan pekerja seks kanak-kanak di Sabah atau dari Sabah, dari 2009 hingga sekarang.

Chua menyuarakan kebimbangannya mengenai pekerja seks kanak-kanak di Sabah dengan berkata angka itu mungkin dianggar kurang kerana polis mungkin terlepas beberapa kes seumpama.

Beliau merujuk kepada enam pekerja seks kanak-kanak berumur antara 13 dan 20 tahun yang ditahan di Kg. Ajir, Kota Kinabalu, yang dilaporkan oleh akhbar tempatan pada 7 Julai.

Polis menahan remaja itu kerana membantu sekumpulan pencuri yang mencuri dompet pelanggan.

“Nampaknya, jenayah itu sudah lama berlaku,” kata beliau.

Dalam hal ini, beliau menggesa Najib untuk menjelaskan kenapa kes tersebut tidak direkod sedangkan mereka ditahan oleh polis.

“Berapa ramai remaja itu adalah penduduk tempatan dan pendatang

asing? Bagaimana Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat boleh memberi bantuan kepada remaja ini tanpa sebarang rekod?” soalnya.

Walaupun Kementerian berkenaan sudah memberi bantuan seperti perlindungan dan pemulihan untuk remaja perempuan di bawah umur 18 tahun. Khidmat kaunseling, program kesihatan reproduktif dan penglibatan NGO, katanya, ia masih tidak mencukupi untuk melahirkan kesedaran dan perlindungan terhadap pekerja seks kanak-kanak, terutama dari negara jiran.

Dalam hal ini, Chua, yang juga Naib Presiden SAPP, menggesa Najib untuk meletakkan notis berhubung pemerdagangan orang dan meng-haramkan pekerja seks kanak-kanak di Malaysia, terutama di sempadan dan pelabuhan di Sabah.

“Paling utama, hukuman berat perlu dikenakan ke atas mereka yang terlibat dalam hubungan seks dengan mereka di bawah umur sebagai satu bentuk pencegahan,” katanya.

Chua berkata adalah amat menyedihkan apabila mereka yang di bawah umur diumpam atau dipaksa untuk terjerumus ke dalam pelacuran.

Dalam hal ini, beliau berharap Kementerian akan mengadakan program pendidikan dan kesedaran untuk menghentikan pelacuran kanak-kanak.

Negara ini dan masyarakat perlu berganding bahu untuk mengecam dan menghentikannya, kata beliau.